

'Jaga tepi kain orang' banteras gejala rasuah

Perlakuan segelintir penjawat awam jejas integriti kumpulan majoriti

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Penjawat awam kini perlu bersikap 'jaga tepi kain orang' bagi memastikan gejala rasuah dalam perkhidmatan awam dapat ditangani dan tidak merebak menjadi barah.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khai-

rul Adib Abd Rahman, berkata perbuatan rasuah bukan lagi isu terpencil, sebaliknya negara melihat banyak pendedahan mengenai pelanggaran integriti membabitkan penjawat awam dengan yang terkini membabitkan kartel daging pada akhir tahun lalu.

Dengan menyifatkan ia bagaikan selumbar dalam daging yang akan bernanah dan membusuk, beliau berkata, setiap perlakuan rasuah dilakukan segelintir kecil penjawat awam akan menjejaskan kumpulan majoriti yang berintegriti dan melaksanakan tugas serta tanggungjawab dengan amanah.

Katanya, sepanjang 2020, di sebalik kelancaran jentera perkhidmatan awam berdepan pandemik COVID-19 dan perubahan tampuk pentadbiran, sektor itu

juga menyaksikan beberapa penjawat awam disiasat kerana kesalahan rasuah dan salah laku termasuk dalam isu kad pengenalan, kelonggaran kemusukan warga asing ke negara ini serta gangguan bekalan air.

"Jika dulu kita melihat ia hanya terpencil kerana membabitkan sebilangan kecil penjawat awam, tetapi kini kita tidak boleh duduk diam kerana akhirnya ia akan menjadi masalah kita.

"Inilah kumpulan minoriti yang seharusnya diketepikan. Kita ada ramai lagi penjawat awam yang berpegang teguh kepada prinsip penjawat awam," katanya ketika menyampaikan Amanat KPPA 2021: Mendepani Cabaran Melangkaui Ekspektasi, secara dalam talian yang disiarkan di laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), semalam.

Mohd Khairul Adib berkata, selain kes didedahkan media massa, ada juga ketirisan berlaku dalam perkhidmatan awam dan dilihat sebagai biasa, sekaligus menyebabkan orang ramai mengaitkan jabatan tertentu dengan pegawai korup dan terabit rasuah.

Beliau berkata, penjawat awam tidak seharusnya menunggu habuan dan hadiah bagi mendedahkan perbuatan salah laku rakan sekerja atau kakitangan lain yang diketahuinya atau takut membuat laporan.

Sementara itu, Mohd Khairul Adib berkata, penularan wabak COVID-19 di negara ini dilihat sebagai titik tolak kepada pengukuhan era pendigitalan dalam perkhidmatan awam di negara ini.

Katanya, keupayaan perki-



Mohd Khairul Adib Abd Rahman

hidmatan awam dilihat kepada bagaimana mereka berubah dengan persekitaran semasa.

"Kalau dulu kita ada pelbagai platform menguruskan urusan pencen, cuti, permohonan belajar, bayaran pinjaman dan lain-lain lagi, saya jangka kita mampu menyatukan semua perkhidmatan bawah satu platform dengan aplikasi pintar yang boleh diintegrasikan dengan aplikasi kerajaan lain.

"Melalui penyatuan ini, pelanggan akan fokus kepada satu platform perkhidmatan yang memudahkan segala urusan dengan pihak kerajaan (iaitu melalui perkhidmatan berpusat secara dalam talian)," katanya.